


Penerapan Kaedah Ungkapan Kreatif bagi Pengajaran dan Pembelajaran Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*: Penelitian Terhadap Dua Orang Guru Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Enam

Nadhrahtul Nadhirah Rosli, Marzni Mohamed Mokhtar, Siti Suria Salim

Kata Kunci:

Kata Kunci: Kajian Kes, Penyelidikan Kualitatif, Kaedah Ungkapan Kreatif, Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*



Abstrak:

Pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran novel Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) seringkali menjadi perbincangan dalam kalangan guru. Hal ini kerana teks sastra memerlukan tumpuan kognitif pelajar memahami dan menghayati kandungan pelajaran yang terdapat di dalamnya. Malah, pengajaran novel juga memerlukan guru berfikir secara kreatif dalam usaha melaksanakan penyampaian pengajaran yang berkesan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti pemahaman dan cara dua orang guru KMK Tingkatan Enam di Melaka menerapkan kaedah ungkapan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif. Dua orang guru KMK Tingkatan Enam merupakan guru pakar telah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan bagi membekalkan data kepada pengkaji. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan temu bual secara mendalam. Data yang diperoleh dianalisis dengan cara penelitian dan pembinaan tema yang relevan bagi menjawab soalan kajian. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa segelintir peserta kajian memahami maksud kaedah ungkapan kreatif pengajaran, namun peserta kajian berjaya membuat penerapan kaedah ungkapan kreatif dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Kajian ini dilihat memberikan impak terhadap pemahaman guru terhadap amalan pengajaran novel menerusi penerapan kaedah ungkapan kreatif yang merangkumi lima cara iaitu membuat warkah, mencipta sajak, menerapkan elemen seni lukis, mencipta syair dan penggunaan peribahasa berdasarkan situasi yang terdapat dalam novel.

Keywords:

Keywords: Case Study, Qualitative Research, Creative Expression Method, Novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*

Abstract:

The choice of teaching and learning methods for Communicative Malay Literature novels has become a debate among teachers. Reading and understanding literary texts require the cognitive focus of students to understand and appreciate the content of the lessons contained in them. The teaching of novels also requires teachers to think creatively to implement effective teaching delivery. Therefore, the purpose of this study is to explore the understanding and the way two Form Six teachers in Melaka apply the method of creative expression in teaching and learning the novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SBDKL)*. This study was conducted using a qualitative case study approach that is composed of two teachers of Malay Literature Communicative for Form Six. Information from participants was obtained through in-depth interviews. The data obtained were analyzed from transcriptions. Overall, the findings of the study show that some teachers understand the meaning of teaching methods and some do not. Although some teachers did not understand the meaning of the creative expression method, they still applied it in a lesson. This study is seen to have an impact on teachers' understanding of novel teaching practice through the application of creative expression methods which include five ways, namely writing letters, writing poems, applying artistic elements, creating poetry and the use of proverbs based on situations in novels.